

Bil. S 86

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PENDIDIKAN (PINDAAN), 2006

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 2 dari S 59/03.
 3. Penggantian bab 4.
 4. Penggantian bab 11.
 5. Pindaan bab 12.
 6. Penggantian bab 13.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PENDIDIKAN (PINDAAN), 2006

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (3) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Pendidikan (Pindaan), 2006.

Pindaan bab 2 dari S 59/03.

2. Bab 2 dari Perintah Pendidikan, 2003, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda —

(a) dengan memotong takrifan "Ketua Pengarah";

(b) dengan memotong "Ketua Pengarah atau oleh pegawai yang dilantik di bawah bab 4(1)" dari takrifan "ketua guru" dan menggantikannya dengan "Menteri";

(c) dengan memasukkan takrifan baru yang berikut sejurus selepas takrifan "ibu bapa" —

" "Setiausaha Tetap" bermakna Setiausaha Tetap Kementerian;".

Penggantian bab 4.

3. Bab 4 dari Perintah utama adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

"Lantikan.

4. Setiausaha Tetap atau mana-mana orang lain yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang mungkin difikirkan layak oleh Baginda, hendaklah mempunyai kuasa untuk menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diberikan atau dikenakan oleh Perintah ini sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Baginda, dan hendaklah menasihatkan Menteri mengenai perkara-perkara yang ada kaitannya dengan teori dan amalan pendidikan sebagaimana yang difikirkannya patut."

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Penggantian bab 11.

4. Bab 11 dari Perintah utama adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

"Keanggotaan Majlis dan setiausaha.

11. (1) Ahli-ahli Majlis hendaklah terdiri daripada —

- (a) Menteri Pendidikan, yang akan menjadi pengerusi;
- (b) Menteri Hal Ehwal Ugama;
- (c) Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama;
- (d) Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan;
- (e) Menteri Kewangan II;
- (f) Timbalan Menteri Pendidikan;
- (g) Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei; dan
- (h) 7 orang ahli lain yang akan dinamakan oleh Menteri dan dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(2) Setiausaha Tetap hendaklah menjadi setiausaha Majlis."

Pindaan bab 12.

5. Bab 12 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam baris kedua, dengan memotong "perenggan-perenggan (f), (g), (h) dan (i)" dan menggantikannya dengan "perenggan (h)".

Penggantian bab 13.

6. Bab 13 dari Perintah utama adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

"Tugas Majlis.

13. Majlis hendaklah, atas permintaan Menteri, membantu dan membuat sokongan kepada Kementerian mengenai sebarang perkara dasar dan perkembangan pendidikan."

14hb. OKTOBER, 2006

Diperbuat pada hari ini 18 haribulan Ramadan, Tahun Hijrah 1427 bersamaan dengan 11 haribulan Oktober, 2006 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM